



KPS rancang terbit sukuk RM500 juta

KUALA LUMPUR, 10 Dis (Bernama) -- **Kumpulan Perangsang Selangor Bhd (KPS)** bercadang menerbitkan program Nota Jangka Sederhana Islam RM500 juta mengikut prinsip syariah Murabahah melalui pengaturan Tawarruq.

Menurut KPS, program sukuk itu akan bertempoh sehingga 15 tahun dari tarikh terbitan pertama dan hasilnya akan digunakan untuk tujuan korporat am serta membiayai semula pinjaman sedia ada syarikat-syarikat KPS Group.

“Terbitan program sukuk ini adalah seiring strategi kami ke arah pengurusan modal secara berhemat. Selain itu, ia juga akan menyokong komitmen kami untuk merealisasikan pulangan mapan kepada semua pemegang kepentingan,” kata Ketua Pegawai Eksekutif, Ahmad Fariz Hassan dalam kenyataan hari ini.

<http://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1673950>